

Gubal dasar ekonomi lebih baik

Iltizam politik Melayu lebih komprehensif perlu dikemukakan oleh Dr Mahathir

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menjadikan pentas penganjuran Kongres Maruah Melayu sebagai pemangkin pelaksanaan iltizam untuk menggubal dasar ekonomi lebih baik daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak.

Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi berkata, iltizam politik Melayu dan bumiputera lebih komprehensif perlu dikemukakan oleh Dr Mahathir.

Menurutnya, ia bagi membuktikan kepada rakyat bahawa kerajaan sedang melakukan perubahan dasar strategik yang bersesuaian dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan beliau semalam.

Katanya, Dr Mahathir juga perlu mengambil aspirasi tokoh nasionalis, Abdul Rahim Kajai daripada aspek materialis yang berpendapat ekonomi orang Melayu dan golongan bumiputera perlu diperbaiki terlebih dahulu bagi memartabatkan kaum majoriti penduduk Malaysia.

"Pada masa sama, beliau (Dr Mahathir) juga tidak boleh mengetepikan aspek mentalis dikemukakan tokoh pemikir Melayu, Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba yang melihat sikap dan pemikiran orang Melayu perlu diubah terlebih dahulu.

"Justeru, platform Kongres Maruah Melayu adalah peluang terbaik Dr Mahathir dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk cuba melakukan inisiatif yang memberi impak lebih besar demi kepentingan masyarakat Melayu dan bumiputera secara menyeluruh," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Kongres Maruah Melayu yang berlangsung hari ini di Stadium Malawati di sini adalah anjuran gabungan empat universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Dr Awang Azman berkata, objektif penganjur-

an Kongres Maruah Melayu juga bertujuan mendesak kerajaan membaiki dan mempertingkatkan lima aspek penting yang mempengaruhi kedudukan kaum Melayu dan bumiputera iaitu ekonomi, perpaduan politik, kesatuan budaya, kedaulatan agama Islam dan sistem pendidikan nasional yang lebih baik secara berfokus serta terancang.

Menurutnya, Kongres Maruah Melayu juga merupakan satu gerakan memperjuangkan nasib kaum Melayu dan bumiputera yang kini berdepan situasi agak lemah disebabkan perpecahan serius dan perlu dirapatkan menerusi agenda perpaduan besar yang mesti melangkaui ideologi kepartian.



DR AWANG AZMAN

KONGRES
MARUAH
MELAYU



"Dari segi sejarah, kaum Melayu dan bumiputera yang mewakili sebanyak 68.3 peratus daripada jumlah rakyat negara ini banyak menyumbang kepada inisiatif kemerdekaan negara, namun hasil arus kemodenan dan kemajuan masa kini mengakibatkan ekonomi orang Melayu semakin ketinggalan berbanding kaum lain.

"Justeru, penganjuran Kongres Maruah Melayu akan memastikan desakan roh pelaksanaan dasar afarmatif menerapkan segala aspek pembangunan kaum Melayu dan bumiputera perlu diteruskan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Lebih menarik, Dr Awang Azman turut menjangkakan Kongres Maruah Melayu bakal menjadi pentas Dr Mahathir menyampaikan amanat terakhir kepada kaum Melayu dan bumiputera sebelum menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada bakal penggantinya iaitu Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim

pada waktu yang ditetapkan.

"Barangkali Dr Mahathir akan memohon maaf kepada kaum Melayu kerana beliau dilihat kritikal terhadap kaum itu dengan penyampaian analogi dilihat seolah-olah merendah-rendahkan mereka.

"Namun, saya melihat kemungkinan Perdana Menteri akan turut mengaitkan semula situasi kaum Melayu zaman sekarang dengan situasi pernah dinyatakan beliau menerusi buku bertajuk *Dilema Melayu* karangan beliau sendiri yang diterbitkan pada 1970, selain akur kedudukan ekonomi Melayu perlu dibbaiki secara mentalis dan materialis kerana pengukuhan ekonomi kaum Melayu akan menjadi pemangkin kepada kestabilan ekonomi negara secara keseluruhan," katanya.

Paling penting, Dr Awang Azman menegaskan, sudah tiba masa Dr Mahathir selaku Perdana Menteri mendengar sendiri naratif keresahan terhadap status kedudukan kaum Melayu dan bumiputera daripada pelbagai segmen terdiri daripada golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan (NGO), mahasiswa, parti politik, golongan profesional dan suara akar umbi masyarakat marhaen di pentas penganjuran Kongres Maruah Melayu.